

Jabatan kerajaan bukan untuk goyang kaki

BUKAN sahaja Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berasa tidak seronok malah kakitangan awam yang 'makan gaji' dengan kerajaan juga semestinya tidak ceria apabila mutu perkhidmatan mereka dikatakan tidak mencapai piawaian yang sepatutnya.

Apatah lagi ini bukan kali pertama mereka ditegur dan Abdullah juga bukan Perdana Menteri pertama yang membuat teguran seumpama itu. Walaupun kita tahu ada jabatan kerajaan yang cemerlang tetapi perkara-perkara kecil yang akhirnya menjejaskan nama baik mereka masih menjadi amalan.

Contoh ringkas ialah pengalaman saya sendiri membuat panggilan ke sebuah jabatan kerajaan. Bukan sahaja tiada mesin menjawab panggilan telefon malah nombor yang diberikan oleh operator TM tidak berangkat sehari suntuk.

Rasa sakit hati dan marah memang tidak boleh ditolak tepi lantaran urusan yang hendak diselesaikan amat penting. Contoh yang tampak remeh ini sebenar-

nya cukup memberi gambaran kepada orang yang membuat panggilan betapa tidak cekapnya perkhidmatan yang ditawarkan di jabatan tersebut.

Justeru permintaan Perdana Menteri supaya seluruh kakitangan kerajaan menjadikan tahun baru 2007 sebagai tahun untuk mengikis persepsi masyarakat awam yang melihat perkhidmatan awam bukan sahaja lemah, tidak elok, tidak bermaya dalam berkhidmat untuk rakyat, malah gagal melaksanakan dasar dan strategi kerajaan, perlu diberi perhatian.

Langkah-langkah proaktif perlu diambil bagi mengatasinya.

Hakikatnya semolek mana pun dasar, rangka dan kerangka yang disediakan oleh kerajaan tidak akan berjaya jika kakitangan awam tidak memberikan sokongan sepenuhnya. Mereka tidak boleh menunggu ditegur oleh pucuk pimpinan baru hendak bergerak, apabila tidak ditegur mereka bermaharajalela.

Tugas menterjemah setiap dasar dan

program yang dirangka oleh kerajaan sebenarnya terpikul di bahu kakitangan awam dari setinggi-tinggi pangkat hinggalah di peringkat bawahan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab mereka memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Halal atau haram gaji yang diterima setiap bulan bergantung kepada setimpal atau tidak sumbangan tenaga dan buah fikiran setiap kakitangan kerajaan mengikut bidang tugas masing-masing dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Bukan sahaja gaji yang diperoleh hasil kegiatan seperti rasuah dan penyelewengan menjadi haram tetapi sekiranya kerja yang dibuat tidak setimpal dengan gaji yang diterima, pendapatan mereka juga tidak diberkati.

Untuk memastikan hasil yang diperoleh bersih dari sudut hukum, maka soal dosa pahala perlu menjadi keutamaan dalam melaksanakan tugas kerana hasil yang diperoleh dunia ini akan menentu-

kan bahagia atau celaka di akhirat nanti.

Kakitangan kerajaan mesti menerima hakikat bahawa mereka bukan sahaja dipandang tinggi, gaji mereka juga lumayan jika dibandingkan dengan negara-negara lain sehingga kerja di sektor awam menjadi pilihan utama.

Persoalannya berapa ramai yang bersyukur dengan nikmat yang mereka rasai sebagai kakitangan kerajaan. Kalau bersyukur, setinggi mana kualiti perkhidmatan yang telah disumbangkan sebagai tanda syukur, setidak-tidak sejauh mana usaha telah dibuat untuk memastikan rakyat tidak menghadapi masalah apabila berurusan dengan jabatan kerajaan.

Kegagalan kakitangan kerajaan melaksanakan tugas dengan sempurna akan dilihat sebagai kegagalan kerajaan keseluruhannya.

- SYUKRIL FIRDAUS RAMLI
Kota Lama,
Kelantan.